



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 18/2026

URUSAN PILIHAN RAYA UMUM (PRU) DEWAN NEGERI JOHOR KE-16 & DEWAN NEGERI NEGERI SEMBILAN KE-16

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada Speaker Dewan Negeri Johor pada **2 Jun 2026** berhubung dengan pengisytiharan pembubaran **Dewan Negeri Johor Ke-15** dan pemakluman rasmi daripada Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Sembilan pada **5 Jun 2026** mengenai pembubaran **Dewan Negeri, Negeri Sembilan Ke-15**.
2. Sehubungan itu, SPR telah mengadakan Mesyuarat Khas pada hari ini, **12 Jun 2026 (Jumaat)** dan memutuskan **Pilihan Raya Umum (PRU) Dewan Negeri Johor Ke-16** dan **Dewan Negeri, Negeri Sembilan Ke-16** hendaklah diadakan bagi mengisi kekosongan **56 kerusi Dewan Negeri Johor** dan **36 kerusi Dewan Negeri, Negeri Sembilan** tersebut.

3. Bagi maksud menjalankan **PRU Dewan Negeri Johor Ke-16**, SPR telah menetapkan tarikh-tarikh penting seperti yang berikut:

Tarikh Writ	:	12 Jun 2026 (Jumaat)
Hari Penamaan Calon	:	27 Jun 2026 (Sabtu)
Hari Undi Awal	:	7 Julai 2026 (Selasa)
Hari Mengundi	:	11 Julai 2026 (Sabtu)

4. Manakala bagi maksud menjalankan **PRU Dewan Negeri, Negeri Sembilan Ke-16** pula, SPR telah menetapkan tarikh-tarikh penting seperti berikut:

Tarikh Writ	:	12 Jun 2026 (Jumaat)
Hari Penamaan Calon	:	18 Julai 2026 (Sabtu)
Hari Undi Awal	:	28 Julai 2026 (Selasa)
Hari Mengundi	:	1 Ogos 2026 (Sabtu)

5. Tempoh berkempen ditetapkan **14 hari** bermula selepas pengisytiharan calon-calon yang bertanding pada **27 Jun 2026 (Sabtu)** sehingga pukul **11.59 malam, 10 Julai 2026 (Jumaat)** bagi **PRU Dewan Negeri Johor Ke-16** manakala bagi urusan **PRU Dewan Negeri, Negeri Sembilan Ke-16** ditetapkan mulai pengisytiharan calon-

calon yang bertanding pada **18 Julai 2026 (Sabtu)** sehingga pukul **11.59 malam, 31 Julai 2026 (Jumaat)**.

6. Urusan permohonan semua kategori undi pos luar negara dan dalam negara bagi **PRU Dewan Negeri Johor Ke-16** telah dibuka bermula dari **5 Jun 2026 (Jumaat)**, dan tarikh tutup permohonan adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori	Tarikh Tutup
1	1A (Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, Anggota Polis, Anggota Tentera, dan Petugas Media)	24 Jun 2026 (Rabu)
2	1B (warganegara Malaysia yang tinggal di luar negara)	19 Jun 2026 (Jumaat)
3	1C (Agensi / Organisasi)	19 Jun 2026 (Jumaat)

7. Manakala bagi urusan permohonan semua kategori undi pos luar negara dan dalam negara bagi **PRU Dewan Negeri, Negeri Sembilan Ke-16** pula dibuka bermula dari **12 Jun 2026 (Jumaat)**, manakala tarikh tutup permohonan adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori	Tarikh Tutup
1	1A (Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, Anggota Polis, Anggota Tentera, dan Petugas Media)	15 Julai 2026 (Rabu)
2	1B (warganegara Malaysia yang tinggal di luar negara)	10 Julai 2026 (Jumaat)
3	1C (Agensi / Organisasi)	10 Julai 2026 (Jumaat)

8. Permohonan undi pos bagi semua kategori iaitu **Kategori 1A (Petugas Pilihan Raya, Anggota/Pegawai SPR dan Petugas Media), Kategori 1B (Warganegara Malaysia yang tinggal di luar negara) dan Kategori 1C (Agensi/Organisasi), dilaksanakan secara dalam talian (*online*)**. Maklumat lanjut dan panduan permohonan undi pos boleh dirujuk melalui **Portal SPR, www.spr.gov.my**.
9. Bagi menjalankan proses **PRU Dewan Negeri Johor Ke-16**, SPR telah melantik **56 orang Pegawai Pengurus Pilihan Raya** dibantu oleh **187 orang Penolong Pegawai Pengurus**. Manakala bagi tujuan memantau aktiviti kempen pilihan raya sepanjang tempoh rasmi berkempen, SPR akan menubuhkan **56 Pasukan Penguat Kuasa**

Kempen Pilihan Raya (PP-KPR) yang turut dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan wakil-wakil calon yang bertanding.

10. Sementara itu bagi menjalankan proses **PRU Dewan Negeri, Negeri Sembilan Ke-16** pula, SPR telah melantik **8 orang Pegawai Pengurus Pilihan Raya** dibantu oleh **95 orang Penolong Pegawai Pengurus**. Manakala bagi tujuan memantau aktiviti kempen pilihan raya sepanjang tempoh rasmi berkempen, SPR akan menubuhkan **36 Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR)** yang turut dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan wakil-wakil calon yang bertanding.

11. Bagi maksud **PRU Dewan Negeri Johor Ke-16**, sebanyak **56 Pusat Penamaan Calon (PPC)** dan **Pusat Penjumlahan Rasmi Undi (PPRU)** akan digunakan manakala bagi **PRU Dewan Negeri, Negeri Sembilan Ke-16** pula, sebanyak **8 Pusat Penamaan Calon (PPC)** dan **Pusat Penjumlahan Rasmi Undi (PPRU)** akan digunakan dalam pilihan raya pada kali ini.

12. Dalam melaksanakan **PRU Dewan Negeri Johor Ke-16** ini, seramai **42,971 orang petugas** akan dilantik bagi mengendalikan proses tersebut. Manakala, sebanyak **1,076 buah pusat mengundi biasa** yang mengandungi **4,889 tempat mengundi/saluran** dan **64 pusat mengundi awal bagi pengundian yang mengandungi 91 tempat mengundi/saluran awal** akan digunakan. Keseluruhan jumlah pusat mengundi adalah sebanyak **1,140 buah Pusat Mengundi** dengan **4,980 tempat mengundi/saluran**. **PRU Dewan Negeri Johor Ke-16** dianggarkan memerlukan peruntukan sebanyak **RM86.8 juta**.

13. Sementara **PRU Dewan Negeri, Negeri Sembilan Ke-16** pula, seramai **15,344 orang petugas** akan dilantik bagi mengendalikan proses tersebut. Manakala, sebanyak **401 buah pusat mengundi biasa** yang mengandungi **1,668 tempat mengundi/saluran** dan **38 pusat mengundi awal bagi pengundian yang mengandungi 70 tempat mengundi/saluran awal** akan digunakan. Keseluruhan jumlah pusat mengundi adalah sebanyak **439 buah Pusat Mengundi** dengan **1,738 tempat mengundi/saluran**. **PRU Dewan Negeri Negeri Sembilan Ke-16** dianggarkan memerlukan peruntukan sebanyak **RM80.6 juta**.

14. Daftar Pemilih Pilihan Raya (DPPR) yang akan digunakan untuk **PRU Dewan Negeri Johor Ke-16** adalah **Daftar Pemilih terkini sehingga Daftar Pemilih Tambahan Bulan April Tahun 2026** yang dikemas kini sehingga **31 Mei 2026**. DPPR bagi **PRU Dewan Negeri Johor Ke-16** ini mengandungi seramai **2,727,926** orang pemilih yang terdiri daripada **2,703,175** orang pengundi biasa, **12,041** orang tentera serta pasangan, dan **12,710** orang polis serta pasangan Polis Pasukan Gerakan Am (PGA). DPPR bagi **PRU Dewan Negeri Johor Ke-16** dijadualkan akan mula dijual pada **23 Jun 2026 (Selasa)**.

15. Sementara itu bagi **PRU Dewan Negeri, Negeri Sembilan Ke-16** pula, Daftar Pemilih Pilihan Raya (DPPR) yang akan digunakan adalah **Daftar Pemilih terkini sehingga Daftar Pemilih Tambahan Bulan April Tahun 2026** yang dikemas kini sehingga **4 Jun 2026**. DPPR bagi **PRU Dewan Negeri Negeri Sembilan Ke-16** ini mengandungi seramai **889,490** orang pemilih yang terdiri daripada **867,151** orang pengundi biasa, **16,884** orang tentera serta pasangan, dan **5,455** orang polis. DPPR bagi **PRU Dewan Negeri Negeri Sembilan Ke-16** dijadualkan akan mula dijual pada **23 Jun 2026 (Selasa)**.

16. Para pengundi yang terlibat dalam **Pilihan Raya Umum (PRU) Dewan Negeri Johor dan PRU Dewan Negeri, Negeri Sembilan Ke-16** boleh membuat **semakan maklumat pengundian** untuk mengetahui maklumat **pusat mengundi, saluran mengundi dan nombor bilangan** mereka melalui portal semakan di pautan **<https://mysprsemak.spr.gov.my>** atau hubungi **Hotline SPR di talian 03-8892 7218** atau melalui **aplikasi MySPR Semak**. Waktu operasi Hotline SPR adalah dari **9:00 pagi hingga 8:00 malam setiap hari** mulai pada **12 Jun 2026 (Jumaat)** sehingga hari mengundi.
17. Semakan boleh dibuat juga **mulai 23 Jun 2026 (Selasa)**.
18. Untuk memudahkan proses penamaan calon, SPR menyeru kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding dalam **Pilihan Raya Umum (PRU) Dewan Negeri Johor dan PRU Dewan Negeri, Negeri Sembilan Ke-16** agar mengisi dan membuat semakan awal pengisian borang tersebut dengan **Pejabat Pegawai Pengurus** atau **Pejabat Pilihan Raya Negeri** seluruh negara sebelum **Hari Penamaan Calon**. Selain itu, bakal-bakal calon juga adalah digalakkan untuk membuat pembayaran deposit lebih awal. Ini bertujuan untuk memastikan semua proses penamaan calon dapat diselesaikan lebih awal dan

berjalan lancar.

19. Walau bagaimanapun, adalah diingatkan bahawa Kertas Penamaan Calon yang telah lengkap diisi dan disemak oleh Pejabat Pegawai Pengurus itu hendaklah dikemukakan oleh calon atau penyokong atau pencadangnya semasa Hari Penamaan Calon di PPC yang telah ditetapkan oleh SPR.

20. SPR turut menawarkan kepada **mana-mana agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), mana-mana badan yang berminat** untuk menjadi **pemerhati pilihan raya** bagi melihat perjalanan proses **PRU Dewan Negeri Johor Ke-16 dan PRU Dewan Negeri, Negeri Sembilan Ke-16** bermula pada Hari Penamaan Calon sehingga Keputusan Pilihan Raya diumumkan. Mereka dibenarkan untuk membuat **pemerhatian** seperti di **PPC, pusat-pusat mengundi, tempat pengiraan undi dan PPRU** serta perlu mematuhi kesemua syarat-syarat pelantikan yang telah ditetapkan oleh SPR.

21. **Maklumat lanjut dan borang permohonan** berkaitan pemerhati pilihan raya boleh diperoleh daripada **Portal SPR www.spr.gov.my mulai 12 Jun 2026 (Jumaat)** dan **tarikh tutup permohonan bagi PRU Dewan Negeri**

Johor Ke-16 pada 19 Jun 2026 (Jumaat) dan pada 30 Jun 2026 (Selasa) bagi PRU Dewan Negeri, Negeri Sembilan Ke-16.

22. SPR akan meneruskan penyiaran secara langsung proses-proses pilihan raya menerusi *live streaming* bagi Pusat/Saluran Mengundi yang terpilih di laman *Facebook* SPR sebagaimana yang dilaksanakan pada pilihan raya sebelum ini.
23. Bagi menggalakkan pengundi supaya keluar menunaikan tanggungjawab mereka pada hari mengundi, SPR akan melaksanakan kempen `**Jom Kita Undi**` melalui pelbagai saluran media termasuk di media elektronik, media sosial, hebahan melalui siar raya dan pemasangan kain rentang di lokasi-lokasi strategik tumpuan awam dan tempat-tempat lain yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

DATO' SRI RAMLAN BIN DATO' HARUN
Pengerusi
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
12 Jun 2026 / 26 Zulhijah 1447H